

Tarikh Dibaca: 13 OKT 2023M | 27 RABI'UL AWWAL 1445H



ISLAMIC SAVIOUR OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“JANGAN MENGUNDANG KEMURKAAN
ALLAH”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



"JANGAN MENGUNDANG KEMURKAAN ALLAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ... وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ①

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ②

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita memberi sepenuh tumpuan kepada khutbah yang disampaikan. Janganlah berbual-bual dan berleka-leka dengan telefon bimbit. Semoga khutbah ini memberi manfaat kepada kita semua.

¹ al-Nisa' : 29.

² ali-Imran : 102.



Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**JANGAN MENGUNDANG KEMURKAAN ALLAH.**"

Hadirin yang dirahmati Allah,

Bunuh diri atau dalam bahasa Arab biasa disebut sebagai "qatlun nafs" adalah satu tindakan mengakhiri hidup dengan menggunakan atau tanpa menggunakan sebarang alat pun. Antara kaedah yang digunakan untuk membunuh diri adalah menggantung diri, sesak nafas, meracun diri sendiri, melemaskan diri, terjun dari tempat tinggi atau menggunakan bahan mudah terbakar dan membakar diri. Membunuh diri merupakan tindakan yang ditegah dalam ajaran Islam dan perbuatannya mengundang kemurkaan Allah. Hal ini ditegaskan oleh Allah dalam ayat al-Quran yang telah dibacakan pada permulaan khutbah tadi dalam surah An-Nisa' ayat 29 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu membunuh dirimu; sesungguhnya Allah Maha Penyayang kepadamu."

Berdasarkan kepada ayat tersebut, nyawa adalah milik Allah. Dialah yang menghidup dan mematikan seseorang. Manusia tidak layak dan tidak mempunyai hak untuk menentukan hidup matinya dengan cara membunuh diri sendiri.

Mengikut laporan PDRM pada 1 Julai 2021, sebanyak 609 kes dilaporkan pada tahun 2019 dan meningkat kepada 631 kepada tahun 2020. Manakala untuk tempoh Januari hingga Mei 2021 sahaja, sebanyak 468 kes telah direkodkan. Daripada 1708 kes bunuh diri untuk tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 872 kes melibatkan mangsa berumur 15-18 tahun dan 668 kes melibatkan mangsa berumur 19-40 tahun. Menurut laporan PDRM, tiga punca utama kes bunuh diri adalah disebabkan masalah keluarga, tekanan perasaan dan kewangan. Ini semua menggambarkan kerapuhan iman dan



kurangnya penghayatan keagamaan sehingga sanggup mengambil tindakan membunuh diri akibat tekanan hidup yang dialami.

Muslimin sekalian,

Kenapakah perkara ini boleh terjadi sedangkan kita umat yang mengaku beriman dan percaya kepada perkara-perkara ghaib. Pelbagai sebab boleh menjadi faktor timbulnya keinginan seperti ini. Antaranya:

1. Masalah kesihatan mental, hampir kebanyakan mereka yang melakukan perbuatan bunuh diri memiliki masalah kesihatan mental yang serius seperti depresi, gangguan bipolar atau skizofrenia yang mendorong dan berisiko tinggi untuk melakukan perbuatan bunuh diri. Lebih-lebih lagi mereka yang menghadapi masalah kesihatan mental tidak mendapat bantuan dan akses rawatan kesihatan mental untuk mengawal penyakit tersebut. Mereka yang berjuang dengan masalah penyakit mental perlu mencari bantuan melalui kaunselor, terapi, ubat-ubatan serta sokongan keluarga dan masyarakat agar isu ini dapat dibendung.

2. Stres dan tekanan, beban emosional atau stres yang luar biasa seperti masalah kewangan, tekanan kerja, konflik rumahtangga, krisis peribadi merasakan keseorangan dan kesepian dapat meningkatkan risiko keinginan bunuh diri dengan mengambil jalan mudah tanpa memikirkan kesan tindakan dan perbuatan tersebut.

3. Akses kepada alat bunuh diri, ketersediaan alat bunuh diri yang berada dipersekitaran kita seperti senjata api, alat dan senjata tajam atau ubat-ubatan dapat meningkatkan risiko keinginan bunuh diri. Individu yang mengalami tekanan akibat masalah yang timbul mungkin merasakan tiada sesiapa yang peduli dan dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,



Situasi yang berlaku hari ini perlu ditangani dengan bijak kerana terdapat pertambahan kes pada saban tahun. Sebagai Muslim kita perlu berfikir bagaimana perbuatan ini dapat dikekang agar tidak menjadi barah dalam masyarakat. Dalam hal ini, bagi orang yang beriman perlu berasa cemas dan takut dengan ancaman dosa membunuh diri yang kekal selamanya berada di neraka Jahanam. Ini ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu:

مَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ، فَهُوَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ
يَتَرَدَّى فِيهِ خَالِدًا مُخَلَّدًا فِيهَا أَبَدًا

"Dan barangsiapa terjun dari (atas) gunung, sehingga dia mati, maka kelak dia akan terjun (dari tempat tinggi) di neraka Jahanam dan dia kekal di dalamnya selama-lamanya."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan kepada hadis Nabi tersebut, bunuh diri merupakan perbuatan terkutuk yang dilarang Allah. Pelakunya akan diazabkan Allah pada hari akhirat dan tiada sesiapa pun akan terlepas dari azab-Nya.

Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,

Bagaimana kita dapat memastikan keturunan kita tidak termasuk dalam golongan mereka yang mempunyai keinginan untuk melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Allah. Jawapannya, kita perlu sentiasa bersabar dan bersyukur dengan setiap ujian, menjaga solat dan memelihara hati daripada perasaan yang tidak selayaknya sebagai hamba Allah. Individu Muslim perlu memantapkan ilmu tauhid dan keimanan agar cetusan keinginan bunuh diri tidak menjadi jalan penyelesaian kepada masalah kehidupan duniawi. Setiap Muslim hendaklah sedar bahawa kehidupan di dunia hanyalah sementara, kehidupan akhirat itulah yang abadi dan kekal



selamanya. Dunia ini adalah medan ujian sama ada kesenangan mahupun kesusahan untuk menentukan sejauh mana tahap keimanan dan kesabaran manusia ketika mengharunginya. Pelbagai bentuk ujian ditimpakan kepada manusia sama ada dengan kelaparan, kesusahan hidup, bencana alam dan lain-lain lagi sebagai menguji sejauh mana kita meletakkan pergantungan dan keredaan kepada Allah SWT. Namun sekiranya berlaku sesuatu yang tidak dijangka maka bersabarlah. Belum tentu ia suatu keburukan malah setiap ujian dan dugaan hidup perlu dihadapi dengan sabar. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ
وَالْأَنْفُسِ وَالشَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِيرِ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾

"Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."

Hadirin yang berbahagia,

Sentiasalah hidup dalam berzikir lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan ujian kerana dengan berzikir akan hadir ketenangan hati serta menghilangkan kegelisahan jiwa bahkan dapat mengelakkan diri dari melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Syariat. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 156-157 yang bermaksud:

"...(iaitu) orang yang apabila ditimpa musibah, mereka mengucapkan, 'Inna lillahi wa inna ilaihi rajiun'. Mereka itulah orang yang mendapat keberkatan sempurna dan rahmat dari Tuhannya, dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk."



Rawatlah rasa dukacita dengan amalan doa-doa. Nabi SAW pernah mengajarkan beberapa doa yang masyhur kepada para sahabat Radiallahuanhum bagi menghilangkan kesedihan dan dukacita. Antara doa yang dibaca oleh Nabi SAW sepertimana direkodkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik Radiallahuanhu:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَالْعَجْزِ وَالْكَسَلِ
وَالْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَضَلَعِ الدَّيْنِ وَغَلْبَةِ الرِّجَالِ.

"Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari (hal yang) menyedihkan dan menyusahkan, lemah dan malas, penakut dan bakhil, lilitan hutang dan penindasan orang."

(Riwayat al-Bukhari).

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Berdampinglah dengan para alim ulama dan mengajukan sebarang permasalahan hidup kepada ahli keluarga yang terdekat, sanak saudara dan sahabat handai berbincang untuk mendapatkan nasihat dan panduan terbaik. Semua pihak perlu memainkan peranan penting dan melibatkan diri memberikan sokongan kepada individu yang berada di bawah tekanan hidup supaya tidak cenderung melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Allah.

Oleh itu, pimpinan setempat, agensi kerajaan, ketua masyarakat dan komuniti, badan NGO dan individu perlu tampil dengan usaha dan idea untuk membantu dan menyokong usaha dan program yang dijalankan oleh mana-mana pertubuhan dan organisasi agar perbuatan dan tindakan ini dapat dikekang sepenuhnya pada masa akan datang. Usaha dan tanggungjawab mencegah kemungkaran adalah suatu tugas dan amanah yang sangat besar. Ia tidak mampu untuk dilaksanakan secara berseorangan sebaliknya



menjadi tanggungjawab kita bersama ibarat serumpun bak serai, sesusun bak sirih.

Hadirin sekalian,

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatan agar dijadikan pedoman dan panduan kita. Antaranya ialah:

1. Umat Islam hendaklah memantapkan ilmu akidah Islamiah dengan meyakini bahawa ujian yang diberikan oleh Allah SWT adalah suatu tanda kurniaan darjat yang lebih tinggi kepada hamba-hamba-Nya.
2. Umat Islam perlu meyakini bahawa kehidupan didunia ini adalah kehidupan sementara dan segala amalan perbuatan didunia akan dihisab pada hari akhirat kelak.
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa membunuh diri adalah satu perbuatan yang dilarang oleh Islam dan mengundang kemurkaan Allah SWT.
4. Umat Islam hendaklah berusaha mengambil langkah-langkah positif dalam menyelesaikan masalah kehidupan dengan merujuk kepada pihak yang berautoriti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ
إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."



(Surah al-Zumar : 53).

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَا
وَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاهْلِكَ
الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَجِّ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَجِّ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحْحَةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعَكُّوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَجِّ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكِرْمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْضَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhkan negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi



berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

اللَّهُمَّ يَا عَزِيزُ يَا مُنْتَقِمُ يَا جَبَّارُ، اللَّهُمَّ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ،
اللَّهُمَّ إِنَّا نَشْهَدُ أَنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ، الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْأَحَدُ
الصَّمَدُ، الَّذِي لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ، وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي
فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّتْ
شَمْلَهُمْ وَفَرَّقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعَلِ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ، اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ
عَدَدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدَدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزِلْ عَلَيْهِمْ
وَعَلَى مَنْ عَاوَنَهُمْ، بِأَسْكَ الَّذِي لَا يُرَدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ
فِي فَلَسْطِينَ. 2X

Ya Allah Ya Tuhan kami! Selamatkanlah saudara-saudara kami kaum muslimin yang ditindas di bumi Palestin dan di mana sahaja mereka berada. Ya Allah! sayangi dan kasihilah mereka, keluarkanlah mereka dari penindasan serta kesempitan yang mereka alami selama ini. Ya Allah! Hapuskanlah kezaliman yang ada di muka bumi ini. Berikanlah keadilan kepada mereka yang dianiaya serta dizalimi. Ya Allah! Anugerahkanlah kemenangan kepada saudara kami kaum muslimin di Palestin. Berikanlah kepada pejuang-pejuang Islam serta rakyat Palestin kekuatan serta



kesabaran menghadapi kekejaman musuh. Ya Allah! Binalah semula keamanan di bumi Palestin dan kembalikannya ke pangkuan kaum Muslimin.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَائِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلْزِلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ، يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ، إِهْزِمِ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمِهِمْ، إِهْزِمِهِمْ، وَأَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا

٧٤

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.